بســــــم الله الرحمن الرحيم

MEMAHAMI HAKIKAT CINTA BIMBINGAN WAHYU

http://an-nawawi.blogspot.com

MENCINTAI ALLAH

Mencintai Allah adalah asas untuk memperolehi kesempurnaan Iman. Tidak beriman seseorang yang tidak mencintai Allah, kerana setiap individu yang mengaku dirinya beriman wajib terlebih dahulu mencintai Allah dengan sepenuh hatinya tanpa berbelah bagi. Belum sempurna akidah seseorang jika ia belum menyerahkan sepenuh cintanya kepada Allah s.w.t. Allah s.w.t tidak akan menganugerahkan kemanisan iman (iman yang teguh) kecuali setelah seseorang itu benar-benar mencintaiNya lebih dari segala-galanya. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w:

ثلاَثٌ مَنْكُنَّ فِيْهِ وَجَدَحَلاَوَةَ الإِيْمَانِ اَنْ يَكُوْنَ اللهُ وَرَسُوْلُهُ اَحَبَّ اِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا. رواه البخاري

"Tiga perkara yang menjadikan kamu memperolehi kemanisan (kesempurnaan) iman, iaitu mencintai Allah dan RasulNya lebih dari selain keduanya". (Hadis Riwayat al-Bukhari)

أحبُوْا اللهَ بِكُلِّ قُلُوْبِكُمْ. رواه الترمزي والحاكم

"Cintailah Allah dengan sepenuh hati kamu". (Hadis Riwayat at-Tirmizi dan al-Hakim)

أحبُوا اللهَ لمَا يَغْذُوكُمْ بِهِ مِنْ نِعَمِهِ. رواه الترمزي والحاكم

"Cintai Allah yang telah memberi kamu makan dari nikmatNya" (Hadis Riwayat at-Tirmizi dan al-Hakim)

وَاَسْاَلُكَ حُبَّكَ وَحُبَّ مَنْ يُحِبَّكَ وَحُبَّ عَمَلَ يُقَرِّبُنِى اِلَى حُبِّكَ.
حديث صحيح رواه الترمزى

"Aku memohon cinta-Mu (ya Allah), cinta sesiapa yang mencintai Engkau dan mencintai amal yang membawa aku dekat kepada Engkau". (Hadis at-Tirmizi)

Dalam persoalan akidah cinta terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu:

1 - Pertama:

Cinta secara tabii atau secara fitrah yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada hambaNya. Ia terbahagi kepada beberapa bahagian, iaitu:

(i). Cinta secara tabii yang muncul dari perasaan rahmah (belas kasihan) dan kasih sayang, seperti mencintai ibu bapa, isteri, anak-anak dan keluarga sebagaimana firman Allah:

"Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu wanita-wanita dan anak-anak". (ALI IMRAN, 3:14)

Walaupun cinta seperti ini diizinkan oleh syara, tetapi tidak boleh melampaui batas (ghalu) sehingga membelakangkan cintanya kepada Allah dan menjerumuskan dirinya untuk melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh agama kerana menuruti perasaan, kepentingan dan kehendak orang yang dicintainya atau benda-benda yang dicintainya. Allah berfirman:

"Hai orang-orang beriman, sesungguhnya di antara isteri-isterimu dan anak-anakmu ada yang menjadi musuh bagimu, maka berhati-hatilah kamu terhadap mereka". (AT-TAGHAABUN, 64:14)

(ii) Cinta secara tabii seperti mencintai makanan dan minuman yang terbit lantaran takut ditimpa kelaparan dan kehausan. Mencintai harta kerana takut dihimpit kepapaan atau mencintai kesihatan takut diserang penyakit. Mencintai perkara-perkara yang tersebut di atas tetap tidak dibolehkan melampaui batas (ghalu) sehingga melupakan Allah dan tanggung jawab ibadah terhadapNya seperti berzakat, infak dan sedekah. Kerana mencintai perkara-perkara tersebut sehingga ke tahap ghalu merupakan perbuatan jahiliah yang boleh membawa kepada perbuatan syirik. Allah berfirman:

"Dan kamu tidak saling mengajak memberi makan orang miskin, kamu memakan harta pusaka dengan cara mencampur-baurkan (yang halal dan yang batil) dan kamu mencintai harta benda dengan kecintaan yang berlebihan". (AL-FAJR, 89:18-20)

Orang-orang yang beriman mencintai makanan, minuman dan benda-benda keduniaan demi kerana mencintai Allah, dan cintanya terhadap semuanya itu tidak dapat mengatasi cintanya terhadap Allah, sehingga tidak akan merasa kikir untuk mengeluarkan zakat, infak atau bersedekah. Sikap orang mukmin suka memberi sedekah makanan dan benda-benda yang disukainya. Kerana orang mukmin sentiasa mencintai akhiratnya lebih dari dunianya dan bukan sebaliknya. Sebagaimana firmanNya:

"Dan mereka memberikan makanan yang disukainya (digemarinya) kepada orang miskin, anak yatim dan orang-orang tawanan". AL-INSAAN, 76:8.

"Orang-orang yang lebih mencintai kehidupan dunia daripada kehidupaan akhirat". (IBRAHIM, 14:3)

"Hai anak Adam! pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid, makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berlebih-lebihan". (AL A'RAF, 31:7)

(iii). Termasuk cinta yang tabii ialah mencintai kesempurnaan, kenikmatan dan keelokan (kecantikan) sama ada yang bersangkut-paut dengan ilmu pengetahuan atau sesuatu yang tabii seperti mencintai budi pekerti lohor dan amanah, mencintai kesempurnaan hasil reka-cipta yang membawa kepada kebaikan dan sebagainya.

Umpamanya, dengan adanya sikap mencintai budi pekerti yang lohor seperti amanah nascaya akan menghasilkan produksi yang bermutu kerana tabii manusia suka kepada setiap yang bermutu.

Mencintai kenikmatan seperti mencintai manisan madu, kelazatan makanan dan sebagainya adalah cinta secara tabii yang ada pada setiap manusia. Termasuklah mencintai kecantikan isteri, kecantikan kenderaan, rumah, pakaian, perhiasan, pemandangan cantik dan sebagainya. Cinta dalam hal seperti ini diharuskan selagi tidak keterlaluan atau ghalu.

Seorang sahabat pernah bertanya kepada Nabi Muhammad s.a.w tentang sikapnya yang suka kepada kecantikan, lalu Nabi memuji sikapnya itu asalkan tidak membawa kepada riyak dan pembaziran. Kemudian baginda menegaskan bahawa Allah itu cantik Ia suka kepada kecantikan yang ditunjukkan oleh ambaNya sebagaimana sabda baginda:

اللهُ جَمِيْلٌ يُحِبُّ الْجِمَالَ.

"Allah itu cantik, Ia sukakan kecantikan".

Manusia dibekalkan oleh Allah perasaan cinta, tetapi hanya agama yang dapat membatasi dan menunjuk ajar nilai cinta yang harus diberikan kepada makhluk (segala yang mawjud) dan yang wajib diserahkan kepada Allah s.w.t. Sebagaimana firmanNya:

"Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini iaitu wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allahlah tempat kembali yang baik (syurga)". (ALI IMRAN,3:14)

(iv). Mencintai kebaikan dan mencintai orang yang baik (orang yang beriman) seperti mencintai pengorbanan sahabat, pertolongan seseorang di masa kecemasan dan sebagainya. Dalam bab ini juga masih tetap tidak boleh melampaui batas dan ghalu terhadap apa yang dicintai. Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda:

لاَيُؤْمِنُ اَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ ِلاَخِيْهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ. البخارى

"Tidak beriman seseorang kamu sebelum mencintai saudaranya sebagaimana mencintai dirinya sendiri". (Hadis Riwayat al-Bukhari.)

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ : مَنْ اَحَبَّ فِى اللهِ وَاَبْغَضَ فِى اللهِ وَعَادَى فِى اللهِ فَاِنَّمَاتَنَالُ
وِلاَيَةُ اللهِ بِذَلِكَ وَلَنْ يَجِدْعَبْدٌ طَعَمَ اْلاِيْمَانِ وَاِنْ كَثُرَتْ صَلاَتُهُ وَصَوْمُهُ حَتَّى يَكُوْنَ
كَذَلِكَ. رواه ابن جرير

"Dari Ibn Abbas berkata: Sesiapa yang mencintai (saudaranya yang mukmin) kerana cintanya pada Allah, membenci (orang-orang kafir dan fasik) kerana mencintai Allah dan membenci (musuh-musuh) kerana cintanya pada Allah. Maka ia akan diangkat menjadi Waliullah kerana cintanya. Seseorang hamba tidak akan merasai kemanisan iman sekalipun banyak bersembahyang dan berpuasa sehinggalah ia menjadi seperti itu (mencintai Allah)". (Hadis Riwayat Ibn Jarir)

2 - Kedua:

Cinta yang merosakkan tabii, seperti mencintai apa sahaja yang berkaitan dengan dunia untuk memuaskan hawa nafsunya. Tetap dianggap telah melanggar tabiinya walaupun pada seseorang yang mengakui sebagai Muslim. Seperti mencintai politik taghut, ekonomi taghut, undang-undang taghut dan apa sahaja yang memberi keuntungan pada dirinya walaupun menyisihkan agama atau syara. Orang-orang yang rosak tabiinya seperti ini dianggap dan orang fasik fasik tidak akan mendapat petunjuk malah jika tidak bertaubat akan semakin jauh daripada petunjuk Allah. Sebagaimana firmanNya:

"Yang demikian itu disebabkan kerana sesungguhnya mereka mencintai kehidupan di dunia lebih dari akhirat dan bahawasanya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang kafir". (AN NAHL, 16:107)

Antara cinta yang kuluar dari tabii ialah mencintai dunia sehingga membawa kepada lalai terhadap kewajipan agama dan ghalu. Hal ini juga telah diceritakan oleh Allah di dalam al-Quran:

"Maka ia berkata: Sesungguhnya aku menyukai kesenangan terhadap barang yang baik (kuda) sehingga aku lalai mengingati Tuhanku sampai kuda itu hilang dari pandangan". (SAAD, 38:32)

3 - Ketiga:

Cinta yang khusus untuk Allah s.w.t yang melibatkan amalan ubudiyah yang tidak boleh berbelah bagi atau disekutukan dengan makhluk. Cinta dalam hal ini merupakan ketaatan, mengagungkan, menyerah diri, tunduk dan khusuk semata-mata untuk Allah kerana Allah tidak boleh disekutukan dengan makhlukNya. Menyekutukan cinta yang bersifat ubudiyah adalah perbuatan jahiliah, amat keji, mungkar dan syirik. Perbuatan yang membawa kepada kesyirikan telah digambarkan oleh Allah di dalam al-Quran:

"Dan antara manusia ada orang-orang yang menyembah tandingan-tandingan selain Allah. Mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah. Adapun orang-orang yang beriman sangat cinta kepada Allah". (AL BAQARAH, 2:165)

Ayat di atas membuktikan ada kalangan manusia yang mencintai makhluk lebih dari mencintai Allah s.w.t sehingga mengangkat dan menyanjungnya ke taraf ketuhanan. Ayat di atas juga menunjukkan bahawa sesiapa yang mencintai sesuatu lebih dari mencintai Allah sehingga melampaui batas, maka apa yang dicintai itu telah dijadikan andad, iaitu sesuatu yang diserupakan atau disetarakan dengan Allah s.w.t. Allah mengharamkan perbuatan sedemikian sebagaimana firmanNya:

"Maka janganlah kamu membuat tandingan (peyerupaan) bagi Allah, pada hal kamu mengetahui". (AL BAQARAH, 2:22)

Dalam sahih al-Bukhari dan Muslim dari Abdullah bin Masoud, beliau berkata:

قُلْتُ يَا رَسُوْلَ اللهِ اَىُّالذَّنْبِ اَعْظَمُ ؟ قالَ : اَنْ تَجْعَلَ للهِ نِدًّاوَهُوَخَلَقَكَ.

"Aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w wahai Rasulullah dosa apakah yang paling besar? Beliau menjawab: Engkau meyamakan Allah (dengan makhluk) sedangkan Dia mencipta engkau".

Cinta Yang Menyebabkan Kesyirikan

Seseorang yang benar-benar beriman hanya mencintai Allah s.w.t sahaja tanpa dipersekutukan cintanya dengan yang lain. Tetapi bagi orang-orang yang tidak beriman pasti ada benda, perkara atau sesuatu yang lain yang lebih dicintai sehingga meyamakan apa yang dicintainya sebagaimana mereka mencintai Allah.

Memang telah berlaku dan akan terus wujud orang-orang yang menyekutukan cintanya terhadap Allah dengan sesuatu yang tidak diizinkan oleh syara. Cintanya kekal selagi kekalnya benda sampingan yang lebih dicintai, apabila pupus atau terkubur sesuatu yang dicintainya itu maka akan terkuburlah juga cintanya terhadap Allah bersama apa yang disekutukan dengan Allah dalam percintaan mereka.

Perkara sepertimana yang dikemukkan di atas akan terjadi kepada sesiapa sahaja lantaran setiap benda, perkara atau makhluk diberikan perasaan cinta yang berlebihan, setanding atau lebih dari cintanya terhadap Allah. Apabila keadaan seperti ini berlaku pada seseorang, maka apa yang dicintainya itu dianggap oleh al-Quran sebagai andad (tuhan/pujaan). Perbuatan seperti ini menurut syara adalah syirik yang besar.

Allah dan RasulNya telah meunjuk cara dan garis panduan sebagai syarat dan tanda yang boleh membuktikan seseorang itu benar-benar mencintai Tuhannya. Ayat-ayat berikut adalah nas yang menerangkan perkara tersebut:

"Katakanlah: Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutlah aku, nescaya Allah mencintai kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang". (ALI IMRAN, 3:31)

Allah mengenakan syarat dan meminta pembuktian apabila hambaNya mengaku telah beriman dan mencintaiNya, kerana orang-orang yang mencintaiNya akan diampunkan dosa-dosa mereka dan diberi sakinah (ketenangan) di dalam hidupnya. Ucapan atau pengakuan sahaja tidak memadai, kerana semuanya itu perlukan keikhlasan dan pembuktian, tanpa keikhlasan dan pembuktian melalui amalan dan ketaatan adalah pembohongan yang nyata dan melakukan dosa kesyirikan yang tidak terampun. Syirik pula merupakan perbuatan, amalan dan sikap orang-orang jahiliah. Kesyirikan akan membatalkan semua pahala, amal kebajikan dan segala ibadah yang telah dikerjakan. Sebagaimana firman Allah:

"Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada (nabi-nabi) yang sebelummu, jika kamu mempersekutukan (mensyirikkan Allah), nescaya akan hapuslah amalmu dan pasti kamu akan menjadi orang-orang yang merugi". (AZ ZUMAR, 39:65)

"Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka benci (tidak mencintai Allah dan benci) kepada apa yang telah diturunkan Allah (al-Quran) maka Allah hapuskan segala amalan mereka".
(MUHAMMAD, 47:9)

"Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka mengikuti apa yang menimbulkan kemurkaan Allah dan (kerana) mereka membenci (tidak mencintai apa yang) diredaiNya, oleh itu Allah menghapuskan amal-amal mereka". (MUHAMMAD, 47:28)

Orang-orang yang tidak beristiqamah dalam mencintai Allah bermakna mereka tidak ikhlas dan telah mempersekutukan cinta mereka dengan makhluk (lebih mencintai makhluk) secara yang tidak diizinkan oleh syara. Orang-orang seperti ini tidak akan mementingkan soal-soal agama dan tidak akan serius mengerjakan ibadah. Mereka-mereka yang seperti ini adalah orang-orang fasik atau kufur yang masih dibelenggu oleh kongkongan jahiliah.

Ciri-ciri mereka dapat dilihat dan dikenali pada tingkah atau sikap mereka yang hanya menjaga hubungan cinta mereka dengan orang-orang yang memberi keuntungan kepada mereka. Mereka hanya memikirkan kekayaan dunia, hanya memuja harta benda, hanya mementingkan diri sendiri, dan hanya melayani kehendak atau kepuasan hawa nafsu mereka sahaja. Allah s.w.t telah menceritakan keadaan orang-orang seperti ini:

"Katakanlah jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-mara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khuatiri kerugiannya dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan RasulNya dan dari berjihad di jalanNya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusanNya. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang fasik". (AT-TAUBAH, 9:24)

Orang-orang yang tidak mencintai Allah dengan sepenuh keikhlasan ia tidak akan menjadi insan yang bertakwa dan tidak akan merasa takut kepada Allah. Apa yang sebenarnya mereka cintai hanyalah keduniaan (kebendaan). Malah tiada apa yang mereka takuti kecuali sesuatu yang boleh merugikannya, seperti kehilangan keluarga, kedudukan atau harta benda keduniaan yang sentiasa dipuja dan dicintai.

Golongan fasik seperti yang dinyatakan di atas, terlalu kikir untuk berinfak, terlalu berkira untuk membelanjakan hartanya pada jalan Allah. Mereka sentiasa leka dengan hal-hal duniawi dan terlalu sibuk dalam mengumpul harta siang dan malam. Mereka mengumpat dan mencela (menghina atau mengutuk) orang-orang yang menyuarakan infak atau berinfak, dan golongan fasik seperti ini menyangka bahawa harta benda, keluarga dan dirinya akan kekal di dunia. Sebagaimana yang diceritakan oleh Allah di dalam al-Quran:

"Sekali-kali janganlah orang-orang yang bakhil dengan harta yang Allah berikan kepada mereka dari kurniaNya menyangka, bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Sebenarnya kebakhilan itu buruk bagi mereka. Harta yang mereka bakhilkan itu akan dikalungkan di lehernya di hari kiamat".

"Kecelakaan bagi pengumpat dan pencela, yang mengumpulkan harta dan menghitung-hitungnya, dia mengira hanya itu dapat mengekalkannya, sekali-kali tidak! Sesungguhnya dia benar-benar akan dilemparkan ke dalam Khutamah. Tahukah kamu apa itu Khutamah? Itulah Api (yang disediakan) Allah yang menyala dan membakar sampai ke hati. Sesungguhnya api itu ditutup rapat atas mereka, sedang mereka diikat pada tiang-tiang yang panjang". (AL-HUMAZAH, 104:1-9)

Pembuktian Cinta

Seseorang yang mendakwa bahawa dirinya mencintai Allah dan mengasihiNya, tetapi tidak mengikuti atau tidak mentaati syariatNya serta sunnah NabiNya, maka orang seperti ini pada hakikatnya bukan sahaja tidak mencintai Allah malah sudah membatalkan akidah, membatalkan kalimah tauhid yang diucapkan dan

amal ibadahnya. Kerana kesempurnaan tauhid adalah setelah mencintai Allah s.w.t dan RasulNya lebih dari segala-galanya. Sebagaimana firmanNya:

"Katakanlah jika kamu benar-benar mencintai Allah, maka ikutlah aku, pasti Allah cinta kepadamu". (ALI IMRAN, 3:31)

Definisi ibadah itu sendiri antaranya bermaksud cinta yang menyeluruh yang dibuktikan sama ada melalui perbuatan, percakapan dan gerak hati. Sebagaimana definisi yang masyhur dan disepakati oleh ulama:

(اَلْعِبَادَةُ فِى الشَّرْع : اِسْمٌ جَامِعٌ لِكُلِّ مَا يُحِبُّهُ اللهُ وَيَرْضَاهُ مِنَ اْلاَعْمَالِ وَاْلاَقْوَالِ
وَاْلاَفْعَالِ الظَّاهِرَةِ وَالْبَاطِنَةِ)

"Ibadah menurut syara ialah: Nama yang menyeluruh (اِسْمٌ جَامِعٌ) untuk apa sahaja (perbuatan) yang dicintai Allah dan diredaiNya sama ada yang berupa tindakan, pertuturan dan perbuatan lahir atau batin (hati)".

Ini bermakna seorang mukmin tidak akan mengucapkan sesuatu ucapan, perkataan atau pertuturan dan begitu juga tidak akan melakukan sesuatu pekerjaan sama ada lahir dan batin kecuali semata-mata kerana ingin memperolehi cinta dari Allah dan mencari keredaanNya agar dapat memurnikan cintanya (ibadahnya) kepada Allah s.w.t. Cinta kepada Allah adalah ibadah seperti mana yang telah dijelaskan, oleh sebab itu wajiblah dilakukan dengan penuh keikhlasan. Sebagaimana firman Allah:

"Maka beribadahlah kepada Allah dengan memurnikan ketaatan hanya untukNya". (AZ-ZUMAR, 39:2)

"Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam (menjalankan) agama dengan lurus". (AL-BAYYINAH, 98:5)

Bukti kesempurnaan cinta seseorang hamba kepada Allah s.w.t ialah apabila mencintai apa yang dicintai oleh Allah dan membenci terhadap apa yang dibenci oleh Allah. Sesiapa yang mencintai apa yang dibenci oleh Allah dan sebaliknya, ini membuktikan ketidak sempurnaan tauhidnya (akidahnya) terhadap Allah yang mengakibatkan terbatal segala pahala amalannya. Firman Allah:

"Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka mengikut apa yang menimbulkan kemurkaan Allalh dan (kerana) mereka membenci (apa yang menimbulkan) keredaanNya. sebab itu Allah menghapuskan (pahala) amal-amal mereka". MUHAMMAD, 47:28.

عَنْ عَائشَةَ عَنِ النَّبى (ص) قالَ : اَلشِّرْكُ فِى هَذِهِ اْلاُمَّةِ اَخْفَى مِنْ دَبِيْبِ النَّمْل
عَلَىالصَّفَا فِى اللَّيْلَةِ الظُّلْمَاءَ وَاَدْنَاه اَنْ تُحِبَّ عَلَى شَىْءٍ مِنَ الْجُوْرِ اَوْ تَبْغَضَ عَلَى
شَىْءٍ مِنَ الْعَدْلِ وَهَل الدِّيْن اِلاَّ الْحُب وَالْبغض. رواه الحاكم

"Dari Aisyah, dari Nabi s.a.w baginda bersabda: Kesyirikan pada umatku lebih tersembunyi dari seekor semut (halus) di atas batu di malam gelap gelita. Serendah-rendahnya ialah mencintai terhadap sesuatu yang keji atau membenci sesuatu yang adil (kebenaran). Tiadalah agama itu kecuali mencintai dan membenci". (Hadis Riwayat Hakim)

Berkata Hasan al-Basri: "Ketahuilah, bahawasanya engkau tidak akan mencintai Allah sehinggalah mencintai apa yang membawa kepada ketaatan kepadaNya".

Berkata Basyir bin as-Sirry: "Bukanlah tanda cinta apabila engkau mencinta apa yang dibenci oleh kekasih engkau".

Berkata Abu Yakub (al-Junaid): "Sesiapa sahaja yang mendakwa mencintai Allah tetapi tidak mentaati apa yang telah diperintah, maka dakwaannya itu adalah batal".

Berkata Yahya bin Mu'az: "Usah dipercaya sesiapa yang mengaku mencintai Allah jika tidak memelihara hududNya (batas-batas Allah)".

Berkata al-Hasan: "Sesungguhnya tidak sempurna pengakuan seseorang : "Bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad Rasulullah jika seseorang itu menyedari bahawa cintanya terhadap Allah belum sempurna sebagaimana yang telah disampaikan oleh Muhammad dari Allah". Tidaklah mencintai apa yang dicintai Allah dan membenci apa yang dibenci Allah kecuali dengan mematuhi apa yang disuruh padanya dan meninggalkan apa yang ditegah. Dan dijadikan mencintai Allah suatu kelaziman untuk mencintai RasulNya dalam hal mempercayai dan mentaatinya. Oleh sebab yang demikian ia diseiringkan dalam satu ayat pada mencintaiNya dan mencintai RasulNya. Sebagaimana firmanNya:

"(Semuanya itu) lebih kamu cintai dari Allah dan RasulNya". (AT-TAUBAH, 9:24)

Allah mencintai hambaNya yang istiqamah dalam mengerjakan yang wajib dan meninggalkan yang ditegah. Allah juga mencintai hambaNya yang mengerjakan tatawwu' dalam mengerjakan yang nawafil (perkara-perkara yang disunnahkan). Semuanya ini telah digambarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w dalam hadith kudsi yang diriwayatkan oleh Bukhari:

وَلاَ يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ اِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى اُحِبَّهُ فَاِذَا اَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعُهُ الَّذِىْ يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرُهُ الَّذِى يُبْصِرُهُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِى يُبْطِشُ بِهَاوَرِجْلَهُ الَّتِى يَمْشِى بِهَا. رواه البخاري

"Seseorang hamba akan sentiasa mendekatkan dirinya padaKu dengan (mengerjakan) nawafil (amalan-amalan sunnah) sehingga Aku mencintainya. Apabila Aku mencintainya, Akulah pendengarannya yang dia dengar, Akulah penglihatannya yang dia lihat, Akulah tangannya yang dia pegang dan Akulah kakinya apabila dia berjalan". (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Sebagaimana yang pernah dikuliahkan bahawa antara definisi ibadah ialah "taat" dan sekarang kita ditemukan dengan definasi yang seterusnya iaitu antara pengertian ibadah ialah : "cinta". Sememangnya seseorang itu tidak akan taat kecuali ada pada dirinya perasaan cinta dan tidak akan ada perasaan cinta kecuali adanya pengikat iaitu ketaatan, dua kalimah ini saling berkait dan tidak dapat dipisahkan. Cinta yang sebenar tidak boleh berbelah bagi sebagaimana firman Allah:

"Orang-orang beriman cintanya bersangatan kepada Allah". (AL-BAQARAH, 2:165)

Nabi Muhammad s.a.w mewajibkan orang-orang yang beriman mencintai Allah dengan sepenuh hati, jiwa dan raga sebagaimana sabda baginda:

أحبُوْ اللهَ بِكُلِّ قُلُوْبِكُمْ. رواه الترمزى والحاكم

"Cintailah Allah sepenuh hati kamu". (Hadis Riwayat at-Tirmizi dan al-Hakim)

اَنْ يَكُوْنَ اللهُ وَرَسُوْلُهُ اَحَبَّ اِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا. رواه البخارى

"Hendaklah mencintai Allah dan RasulNya melebihi selain dari keduanya". (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Seseorang mukmin diizinkan mecintai selain dari Allah dan RasulNya, tetapi tidak melebihi cintanya kepada Allah dan mencintai selain Allah pula demi semata-mata kerena mencintai Allah. Begitu juga apabila membenci, sewajarnya membenci semata-mata hanya kerana Allah. Bagi setiap mukmin semua perkara yang dilakukan mestilah dengan keikhlasan demi kerana Allah bukan kerana kepentingan sesuatu yang lain atau kerana hawa nafsunya. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w:

احب للهِ وَابْغض للهِ. رواه ابن جرجر

"Cintailah demi kerana Allah dan bencilah demi kerana Allah". (Hadis Riwayat Ibn Jarir)